



dagangnews.com

Berita Bisnes Anda

(/)



SEARCH

Home (/index.php/) / Terkini (/index.php/Terkini) /

Kelington jalin kerjasama dengan PETRONAS CCS Solutions teroka operasi kemudahan karbon dioksida



- 03 Jul 2025 06:00 PM



DagangNews.com

Kelington jalin kerjasama dengan PETRONAS CCS Solutions teroka operasi kemudahan karbon dioksida

Oleh Amree Ahmad

amree@dagangnews.com (<mailto:amree@dagangnews.com>)



KUALA LUMPUR 3 Julai — Kelington Group Berhad dan PETRONAS CCS Solutions Sdn Bhd (PCCSS) bekerjasama bagi meneroka potensi dalam isu logistik dan operasi kemudahan karbon dioksida (CO₂).

Penyedia rumusan kejuruteraan bersepadu itu berkata, ia dijalinakan melalui anak syarikatnya, Ace Gases Marketing Sdn Bhd yang akan melaksanakan penilaian bersama melalui kajian kebolehlaksanaan.

Katanya, kerjasama itu akan memanfaatkan kepakaran Ace Gases dalam bidang berkenaan dengan memberi tumpuan kepada usaha mengenal pasti ruang sinergi dan peluang dalam menguruskan pelepasan karbon.

"Kami akan melakukan kajian merangkumi penilaian teknologi, kemudahan, aspek komersial, potensi pembiayaan, dan industri yang berkaitan," kata Kelington menerusi makluman kepada Bursa Malaysia.

Kumpulan itu berkata, ia telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan PCCSS selama satu tahun, dengan pilihan untuk melanjutkan tahun tambahan, tertakluk kepada persetujuan bersama.

Setelah kajian selesai katanya, kedua-dua pihak akan memberikan penilaian menyeluruh mengenai daya maju dan teknikal bagi membangunkan cadangan bersama berhubung

pengangkutan pelepasan karbon.

Penemuan ini tambahnya, mungkin membuka jalan untuk projek masa depan yang berpotensi dan kerjasama antara kedua-dua pihak, menyumbang kepada rumusan mampan serta inovatif untuk pengurusan karbon.

"Kerjasama itu dibuat ketika pelepasan CO₂ tahunan Malaysia daripada bahan api fosil dan aktiviti perindustrian mencapai 288.82 juta tan pada 2023," kata Kelington merujuk pelbagai data rasmi.

Kajian kemungkinan ini menandakan langkah kritikal ke arah membangunkan skim pembendungan karbon nasional dan jika berjaya dilaksanakan, ia akan menyediakan pemancar CO₂ laluan yang berdaya maju.

Usaha itu katanya, bakal mengasingkan pelepasan karbon, selari komitmen Perjanjian Paris Malaysia mengurangkan keamatan karbon sebanyak 45% menjelang 2030 dan mencapai sifar bersih menjelang 2050.

Penyerapan karbon kata Kelington, semakin diiktiraf sebagai rumusan untuk mengurangkan pelepasan CO₂ terutama dalam industri yang sukar seperti penjanaan kuasa, pengeluaran simen, dan penapisan minyak.

"Sehubungan itu, kajian kebolehlaksanaan dilakukan kami akan turut menilai daya maju teknikal dan pengkomersialan untuk menggunakan rumusan ini pada skala lebih luas," tambahnya dalam kenyataan itu.

Kelington, melalui Ace Gases, sudah terlibat secara aktif dalam perkhidmatan penangkapan karbon, dengan syarikat tersebut pada ketika ini memiliki dan mengendalikan dua kilang pembuatan CO₂.

Kemudahan ini katanya, menerima CO₂ daripada loji pemprosesan gas PETRONAS di Kerteh, Terengganu, yang kemudian ditulenkan dan dicairkan untuk tujuan digunakan semula dalam pelbagai industri.

Tambahnya, pada masa ini tumpuan kumpulan berkenaan lebih khusus kepada sektor makanan dan minuman namun Ace Gases juga meneroka laluan penggunaan selanjutnya untuk karbon yang ditangkap.

"Ini termasuk penukaran CO₂ kepada produk mampan seperti metanol hijau, ammonia dan bahan api penerbangan yang memajukan lagi peralihan karbon rendah Malaysia," katanya. -